

KE ARAH MEMBENDUNG PENGARUH SYIAH DI SARAWAK

KEPUTUSAN FATWA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sarawak yang bersidang pada 23 November 1996 telah membincangkan Syiah Di Sarawak dan telah memutuskan seperti berikut:

1. Semua Mazhab Syiah dari golongan apapun tidak boleh diterima untuk diamalkan oleh orang Islam di Sarawak.
2. Menetapkan bahawa umat Islam di Sarawak hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak.
3. Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak.
4. Memperakukan pindaan kepada semua undang-undang Negeri yang berhubung dengan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif 'Hukum Syarak' atau 'Undang-Undang Islam' seperti berikut :

'Hukum Syarak' atau 'Undang-Undang Islam' ertinya Undang-Undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak.
5. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-Undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

6. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negeri ini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Islam dan Hukum Syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.
7. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.
8. Meletakkan perkataan Islam yang berlandaskan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Ordinan Majlis Islam (Pemerbadanan).
9. Menubuh sebuah jawatankuasa untuk mengawal ajaran bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
10. Memperhebatkan dakwah dan penerangan berasaskan pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
11. Menerbit risalah penerangan mengenai ajaran Syiah.

KETERANGAN DAN HUJAH

1. Ajaran dan fahaman Syiah adalah jelas bertentangan dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar dan mengancam perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Malaysia berdasarkan beberapa percanggahan yang terdapat di dalam fahaman tersebut samaada dari sudut aqidah, syariah dan akhlak.

A. Penyelewengan dari sudut Aqidah

- i. Imam adalah maksum (ismah). Menurut pendapat Al-Kulaini Khumaini bahawa imam adalah maksum dan kedudukan mereka melebihi nabi-nabi dan rasul-rasul. Mereka tidak salah dan tidak lupa sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam buku Al-Syiah Fi Al-Mizan oleh Mohammad Dawood Maghsilah (Halaman 38).

- ii. Imam Mahdi adalah Muhammad Al-Mahdi Al-Muntazar (Al-Mahdiyyah). Konsep ini adalah penting dalam ajaran Syiah. Al-Mahdi ertinya ialah imam yang ditunggu-tunggu dan akan muncul semula ke dunia yang membawa keadilan. Perkara ini dinyatakan di dalam buku *As-Syiah Wa Tashih* oleh Musa Al-Musawi (Halaman 61).
- iii. Imam Mahdi akan muncul di akhir zaman (Ar-Raj'ah). Konsep ini menekankan bahawa Imam Mahdi akan datang samaada untuk menghukum orang-orang melakukan kezaliman ke atas kaum-kaum Syiah seperti para sahabat yang tiga. Perkara ini dinyatakan di dalam buku *Aqid Al-Imamah* oleh As-Syeikh Mohammad Redha Al-Muzaffar (Halaman 83).
- iv. Berpura-pura (Al-Taqiyyah). Menurut aqidah Syiah, Al-Taqiyyah ialah menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya yang melahirkan bukan hakikat sebenar dari kandungan hatinya. Al-Taqiyyah diamalkan di dalam setiap perkara kecuali dalam masalah arak dan menyapu dua khuf. Perkara ini dinyatakan di dalam buku *Al-Usul Min Al-Kafi*, Juzu' 2 oleh Ja'far Mohamad bin Ya'kub bin Ishak Al-Kulaimi Ar-Razi (Halaman 217).
- v. Khalifah diwasiatkan (Al-Wasiyah). Al-Wasiyah adalah satu aqidah yang menyatakan bahawa setiap nabi mempunyai wasi (penerima wasiat) dan wasi Rasulullah S.A.W ialah Saidina Ali kemudian mewasiatkan pula kepada anaknya Saidina Hassan dan Saidina Hassan mewasiatkan pula kepada Hussein sehinggalah kepada Imam Dua Belas Al-Mahdi Al-Muntazar. Perkara ini dinyatakan di dalam buku *Alu As-Syiah Wa Usuluha* oleh Mohammad Bin Husain Ali Kasyif Al-Ghitas' (Halaman 136).
- vi. Imam Mahdi adalah ghaib dan boleh dihubungi (Al-Ghaibah). Al-Ghaibah ialah kepercayaan terhadap Imam Ghaib (Imam Dua Belas) yang akan muncul semula sebelum kiamat. Khomeni menyebut Imam Mahdi telah

menghilangkan diri lebih seribu tahun lalu dan mungkin akan terus menghilang beribu-ribu tahun lagi. Perkara ini dinyatakan di dalam buku Al-Hukumah Al-Islamiah oleh Al-Iman Al-Mujahid As-Sayyid Ruhullah Al-Khomeini (Halaman 26).

- vii. Saidina Ali disamatarafkan dengan Allah S.W.T. Di dalam kitab Usul Kafi, Jld.1 oleh Abu Ja'far Mohamad bin Yaakub bin Ishak bahawa Saidina Ali r.a. disamatarafkan dengan Allah S.W.T. Perkara ini dinyatakan di dalam buku tersebut (Halaman 409).
- viii. Mengkafirkan para sahabat Rasullulah S.A.W. Golongan Syiah mempercayai hanya beberapa orang sahabat sahaja selain Ahlul Ba'it yang terlepas daripada fitnah murtad seperti Abu Zhar, Miqdad dan Salman Al-Farisi. Perkara ini dinyatakan di dalam buku Ikhtiar Ma'rifah Ar-Rijal oleh Abu Ja'far Mohammad bin Hasan bin Ali At-Tusi (Halaman 116).
- ix. Menuduh Abu Bakar dan Omar sebagai dua bahala Quraisy. Tuduhan ini dinyatakan dalam buku Tafsir Nur Ath-Taqalain Juzu' 1 oleh As-Syeikh Abd Ali bin Jan'iah Al-Arusi Al-Iluwaizi (Halaman 116).
- x. Menolak hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah. Golongan Syiah menolak hadis-hadis yang diriwayatkan oleh golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah sekalipun hadis-hadis tersebut telah sampai ke darjat mutawatir. Mereka hanya berpegang hadis yang diriwayatkan oleh Ahlul Bait.
- xi. Menolak Ijma' ulama. Golongan Syiah tidak menerima pakai Ijma' ulama dalam perundangan Islam malah mereka berpegang kepada pendapat-pendapat imam-imam mereka kerana Ijma' pada mereka ada kesalahan sedangkan imam-imam mereka adalah maksum. Perkara ini dinyatakan di dalam buku Mukhtasar At-Thuhfah Al-Ithna Asyariyyah oleh Shah Abd Aziz Al-Imam Waliyyullah Ahmad Abdul Rahim Ad-Daharwi (Halaman 51).

- xii. Menziarahi kubur Saidina Husain, ganjarannya syurga. Syiah mendakwa menziarahi kubur Saidina Husain akan masuk syurga. Perkara ini dinyatakan di dalam buku Al-Irsyad oleh Mohammad bin Mohammad bin Nu' Al-Askibri Al-Baghdadi (Halaman 252).
- xiii. Menyiksa tubuh badan sempena 10 Muharram (Darbu Al-Qamaat). Menjadi pegangan golongan Syiah supaya mengadakan upacara memukul dada dan menyiksa tubuh badan bagi menangiisi kematian Saidina Husain dan Ahlul Bait Rasullulah S.A.W sempena 10 Muharram. Perkara ini dinyatakan di dalam buku As-Syiah Wattashih oleh Ad-Buktur Musa Al-Masawi (Halaman 98).

B. Penyelewengan Dari Sudut Syariah.

- i. Menolak 'Aul dan mendahulukan Qarabah dari 'Asobah dalam masalah pusaka. Dalam sistem pembahagian harta pusaka, fiqah Syiah tidak menerima 'Aul. Contohnya seorang yang mati meninggalkan seorang isteri, dua anak perempuan, ibu dan bapa isteri mendapat $\frac{1}{8}$, anak perempuan $\frac{2}{3}$ dan ibu dan bapa mendapat $\frac{1}{3}$. Masalah asal dalam hal ini ialah 24 sedang bahagian yang diperlukan 27. Nyatalah golongan Syiah tidak mendapat pendapat khalifah Umar Al-Khattab dalam masalah 'Aul.
Golongan Syiah mendahulukan qarabah dari 'Asobah contohnya seorang yang mati meninggalkan seorang anak perempuan dan seorang cucu lelaki. Bagi mazhab Syiah, anak perempuan akan mewarisi kesemua harta pusaka.
- ii. Menghalalkan muta'ah.
 - a. Al-Kulaini meriwayatkan dari Jafar bin Mohamad Al-Baqir yang menyebut kira bermaksud “Bukan dari kami, orang tidak mempercayai Ar-Raj'ah dan tidak menganggap halal muta'ah kita”. Perkara ini dinyatakan di dalam buku Manla Yahdrul Faqih, Juzu' 1 oleh Abi Ja'far Mohamad bin Ali bin Husain (Halaman 358) .

- b. Mengikut ajaran dan fahaman Syiah, perkahwinan muta'ah tidak memerlukan kepada saksi, wali dan pengisytiharan. Perkara ini dinyatakan di dalam buku An-Nihayah Fi Mujarrad Al-Fiqh Wal Fatawa oleh Abi Ja'far Muhammad bin Al-Hassan bin Ali At-Tursi (Halaman 489).
- c. Perkahwinan muta'ah ini juga boleh dilakukan di antara seorang perempuan dan seorang lelaki di mana-mana saja dan boleh dilakukan dengan perempuan Majusi, Nasrani, Yahudi atau dengan pelacur. Perkara ini dinyatakan di dalam An-Nihayah Fi Mujarrad Al-Fiqh Wal Fatawa oleh Abi Ja'far Muhammad bin Al-Hassan bin Ali At-Tursi (Halaman 496).
- iii. Mengiktiraf anak zina. Anak zina haram berkahwin dengan bapa, dengan bapa saudara sebelah bapa dan bapa saudara sebelah ibu. (Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutanha Al-Hulliyy terjemahan oleh Dr Lutfi Ibrahim Munhaj kebenaran dan pendedahan (Halaman 105).
- iv. Menjamak sembahyang dalam tiga waktu. Golongan Syiah menunaikan waktu yang lima dalam tiga waktu iaitu Subuh, Zohor dan Asar dalam waktu Asar dan Maghrib dan Isyak dalam waktu Isyak.
- v. Menyapu kaki bukan membasuh kaki. Bagi golongan Syiah dalam berwuduk mereka hanya menyapu kaki bukan membasuhnya.

C. Penyelewengan Dari Sudut Akhlak

- i. Penghinaan terhadap isteri-isteri Nabi S.A.W. Golongan Syiah membuat tuduhan palsu yang jelas menghina isteri-isteri Nabi. Perkara ini dinyatakan di dalam buku Hayatul' Qulub oleh Allamah Majlis (Halaman 700).

Rantau Asia Tenggara, khususnya Malaysia adalah rantau yang hening dengan pegangan Ahli Sunnah. Sebarang usaha untuk memasukkan

fahaman yang bukan dari fahaman Ahli Sunnah terutama Syiah di kalangan penduduk rantau pasti akan menggugat keharmonian mereka.

Mana-mana negara yang mempunyai penganut Syiah, walaupun minoriti telah membuktikan ketidakstabilan dan pentadbiran negara tersebut. Penganut Syiah akan selama-lamanya cuba mengembang dan mempengaruhi pegangan mereka ke atas pengikut Ahli Sunnah. Mereka tidak mahu tunduk kepada pemerintahan dan pentadbiran Ahli Sunnah.